

# Industri besi waja perlu tampung separuh keperluan

BUTTERWORTH 20 Dis. — Industri besi waja di Malaysia perlu menampung sekurang-kurangnya separuh daripada keperluannya sendiri bagi menjadikan negara ini sebuah negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara industri tidak akan wujud melainkan ia mempunyai keluaran besi waja yang dapat menampung keperluan seperti itu.

Bagaimanapun Dr. Mahathir yakin dekad akan datang akan menyaksikan kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara industri.

Berucap pada pembukaan loji rod dawai dan pelancaran loji pembuatan keluli No. 2 Malayawata di Kawasan Perindustrian Perai di sini hari ini, beliau berkata, negara memerlukan besi waja bukan hanya untuk pembinaan kemudahan infrastruktur dan bangunan

tetapi juga sebagai bahan untuk diproses menjadi produk-produk yang lebih tinggi nilai ditambahnya.

Dengan itu kata beliau, peluang hendaklah disediakan untuk industri ini tumbuh bersama pembangunan negara.

Menurut Perdana Menteri, pembukaan loji keluli seperti Malayawata ini tidak sahaja memerlukan perkara-perkara seperti modal, pengurusan yang cangih dan komunikasi yang baik, malah ia juga perlu berupaya menghadapi persaingan.

"Tekanan terhadap pembangunan teknologi dan kepakaran dalam pasaran akan mendorong syarikat-syarikat untuk mengkhusus seperti pengeluaran batang besi, besi leper dan keluli khas," katanya.

Beliau bersetuju pembukaan loji Malayawata untuk mengeluarkan keluli untuk pembinaan dan kejuruteraan adalah satu langkah yang tepat.

Menurutnya, mulai daripada langkah itu, Malayawata harus berkembang mengeluarkan gred-gred keluli untuk mengukuhkan kedudukannya dalam industri.

Dr. Mahathir juga menyatakan industri terbit kurang melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang boleh membaatu mereka mengeluarkan produk nilai di tambah yang tinggi.

Beliau meminta Malayawata berusaha menubuhkan sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan dan satu pusat latihan bagi industri keluli di negara ini.

Dengan pengalaman yang ada kepada Malayawata dan kepada pengeluar-pengeluar keluli lain Perdana Menteri yakin, kekuatan ini boleh menentukan industri keluli di negara ini memasuki fasa pengeluaran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.